03
NOV

# "CETUSAN LAKTASI" - KEBAIKAN DAN PERSEDIAAN MENURUT PAKAR



KUBANG KERIAN, 3 November 2016 - Cetusan laktasi merujuk kepada wanita yang tidak pernah mengandung dan melahirkan bayi, akan tetapi mereka melalui satu proses untuk mengupayakan diri mereka bagi menghasilkan susu dan boleh menyusukan bayi.

Biasanya wanita yang mengambil anak angkat melakukannya supaya mereka boleh menyusukan bayi tersebut dan menjadi ibu susuan kepadanya.

Menurut Pensyarah Kanan dan Perunding Laktasi, Unit Perkembangan Wanita, Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Zaharah Sulaiman, terdapat banyak kebaikan dan kelebihan bagi yang menjalani cetusan laktasi ini.

"Kebaikan untuk bayi yang berusia enam bulan pertama ialah mereka hanya memerlukan susu ibu sebagai sumber tenaga yang memberi perlindungan kepada mereka kerana susu ibu merupakan nutrisi terbaik untuk bayi," katanya dalam temubual bersama stesen radio tempatan di sini pagi tadi.

Tambah Zaharah, kebolehan untuk menyusukan anak angkat memberi satu kepuasan buat wanita yang dapat menghasilkan susu walaupun tidak boleh mengandung dan seterusnya mendapat status mahram dengan bayi susuan yang memudahkan penjagaan aurat dalam keluarga tersebut.

"Selain itu, wanita dan pasangannya yang ingin membuat penyusuan anak angkat ini mestilah bersedia di samping mendapat maklumat yang betul mengenai keseluruhan proses ini iaitu yang pertama, menghadiri sesi kaunseling bersama suami dan memahami keperluan serta persediaan terutama dari segi mental, fizikal, emosi, kewangan dan mendapatkan cuti bagi yang bekerja," jelas lanjutnya.

Zaharah turut berkongsi beberapa tips untuk menjayakan penyusuan anak angkat setelah beliau menerangkan beberapa cabaran proses cetusan laktasi antaranya adalah berkaitan pengurusan masa yang baik supaya dapat melakukan rangsangan penyusuan dengan sistematik dan mendapatkan sokongan daripada keluarga terdekat serta majikan dan rakan sekerja.

Teks dan Foto: Shazleen Hashim

G+

Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**
Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia
Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (mailto:pro@usm.my)
Laman Web Rasmi / Official Website : Universiti Sains Malaysia (http://www.usm.my)
Client Feedback / Comments (http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015